

Unsur bahasa dalam budaya

ABSTRACT

Penggunaan bahasa yang betul dari segi nahu sahaja tidak memadai untuk mengaku tahu dan memahami sesebuah bahasa. Terdapat faktor lain yang turut perlu dijaga semasa menggunakan bahasa, iaitu budaya. Setiap masyarakat di dunia akan sentiasa memasukkan unsur-unsur budaya ke dalam bahasa dan sebaliknya. Pemahaman dan pengetahuan budaya yang diseiringkan dengan penggunaan bahasa secara tidak langsung mampu mengeratkan hubungan sesama insan dan mengurangkan kekaburan makna yang mungkin mengundang kekusutan hubungan sesama manusia. Justeru itu, pengetahuan budaya semasa berbahasa perlu untuk mengelakkan sebarang kemungkinan salah tafsir dan salah faham antara pemeran bahasa. Bersandarkan pengetahuan budaya maka, seseorang penutur bahasa itu akan sentiasa bersiaga menggunakan bahasa dengan sebaik mungkin agar tidak menyinggung sebarang elemen negatif dalam budaya bahasa yang dituturkan. Secara tersirat, cekap berbahasa tidak semestinya cekap budaya. Justeru itu, proses berbahasa perlu selari dengan runtunan budaya yang tersurat dalam setiap masyarakat bahasa.